


KERAJAAN MALAYSIA

ARAHAN NO. 1 2023

**MEKANISME PENYELARASAN PELAKSANAAN
PEMBANGUNAN NEGARA**

**JABATAN PERDANA MENTERI
MALAYSIA
7 FEBRUARI 2023**



KERAJAAN MALAYSIA

ARAHAN NO. 1 2023

**MEKANISME PENYELARASAN PELAKSANAAN
PEMBANGUNAN NEGARA**

**JABATAN PERDANA MENTERI
MALAYSIA
7 FEBRUARI 2023**

ISI KANDUNGAN

No.	Kandungan	Muka Surat
1.	Arahan No. 1 2023 Mekanisme Penyelarasan Pelaksanaan Pembangunan Negara	
	• Tujuan	1
	• Latar Belakang	1
	• Mekanisme Penyelarasan Pelaksanaan	2
	• Pelantikan Ahli-ahli Majlis/Jawatankuasa	6
	• Perubahan Kepada Nama, Pengerusi, Keanggotaan, Fungsi Majlis/Jawatankuasa	6
	• Fungsi Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) Sebagai Urus Setia Majlis Tindakan Pembangunan Negara	6
	• Pemakaian Arahan	7
2.	Garis Panduan Pelaksanaan Arahan No. 1 2023	
	• Pendahuluan	8
	• Penyelarasan Pelaksanaan Peringkat Persekutuan	9
	• Majlis Tindakan Pembangunan Negara (MTPN)	9
	• Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Negara (JTPN)	10
	• Majlis Tindakan Pembangunan Kementerian (MTPK)	11
	• Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK)	13
	• Penyelarasan Pelaksanaan Peringkat Negeri	
	• Majlis Tindakan Pembangunan Negeri (MTPNg)	14
	• Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Negeri (JTPNg)	20
	• Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Wilayah Persekutuan (JTPWP)	22
	• <i>Focus Group</i> Kesejahteraan Rakyat Peringkat Negeri	24
	• Penyelarasan Pelaksanaan Peringkat Daerah	
	• Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah (JTPD)	26
	• Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Bahagian (JTPB)	27
	• <i>Focus Group</i> Kesejahteraan Rakyat Peringkat Daerah (FGD)	29

3.	Panduan Umum	
	• Pengurusan Mesyuarat	31
	• Mesyuarat Majlis/Jawatankuasa	31
	• Takwim Mesyuarat	32
	• Agenda Mesyuarat	33
	• Format Kertas Pembentangan	34
	• Maklum Balas Keputusan Mesyuarat	34
4.	Lampiran A	36
	Tatacara Kerja Dan Hubungan Kementerian/Jabatan/ Agensi Dengan Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM)	
5.	Lampiran B	42
	Proses Kerja Permohonan Isi Rumah Untuk Didaftarkan ke Dalam Sistem eKasih	
6.	Lampiran C	43
	Carta Aliran Sistem eKasih	
7.	Lampiran D	44
	Cadangan Agenda Mesyuarat	
8.	Lampiran E	45
	Contoh Format Laporan Projek Bermasalah	
9.	Glosari	46

ARAHAN NO. 1 2023 MEKANISME PENYELARASAN PELAKSANAAN PEMBANGUNAN NEGARA

1. TUJUAN

- 1.1 Arahannya bertujuan untuk menjelaskan mekanisme penyelarasan perancangan, pelaksanaan dan penilaian program/projek di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) termasuk inisiatif ke arah kesejahteraan rakyat serta inisiatif-inisiatif semasa Kerajaan di peringkat persekutuan, negeri dan daerah.
- 1.2 Mekanisme penyelarasan ini juga bermatlamat menyokong dan merealisasikan dasar bagi pertumbuhan ekonomi yang lebih seimbang, memberikan nilai yang lebih tinggi dan menjadikan Malaysia sebuah negara yang kompetitif, berintegriti, mampan dan sejahtera.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Arahannya No. 1 yang pertama dikeluarkan pada tahun 1971 bagi menyelaraskan dan mengawasi pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) di samping membanteras ancaman komunis. Arahannya ini telah dipinda sebanyak sembilan (9) kali dan digantikan dengan Arahannya No. 1 1991, Arahannya No. 1 1996, Arahannya No. 1 2001, Arahannya No. 1 2004, Arahannya No. 1 2010, Arahannya No. 1 2018, Arahannya No. 1 2020 dan Arahannya No. 1 2022. Bagi membolehkan mekanisme penyelarasan pelaksanaan digerakkan dengan lebih terancang di peringkat persekutuan, negeri dan daerah, Arahannya ini ditambah baik kepada Arahannya No. 1 2023 Mekanisme Penyelarasan Pelaksanaan Pembangunan Negara berkuat kuasa mulai 7 Februari 2023.
- 2.2 Strategi utama Arahannya No. 1 2023 Mekanisme Penyelarasan Pelaksanaan Pembangunan Negara (Arahannya) adalah seperti berikut:
 - 2.2.1 Memperkemas mekanisme pemantauan dan pengesanan jurang pencapaian program/projek pembangunan bagi memastikan penyertaan yang seimbang di kalangan

kumpulan etnik, kumpulan pendapatan dan wilayah serta menyokong usaha ke arah pertumbuhan ekonomi negara;

- 2.2.2 Memperkukuh instrumen komunikasi dan memastikan penglibatan bersama Anggota Pentadbiran ke arah penyampaian matlamat pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat;
- 2.2.3 Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan program/projek pembangunan menerusi pemantapan keseluruhan kitaran program/projek merangkumi perancangan, pemantauan dan penilaian bagi menyokong pembangunan negara;
- 2.2.4 Memperhebat penyelarasan dan pemantauan projek di lapangan bagi meminimumkan risiko kegagalan program/projek pembangunan melalui tindakan intervensi di peringkat persekutuan, negeri dan daerah; dan
- 2.2.5 Memperkemas dan memperkukuh penyelarasan serta memastikan keberkesanan dasar dan inisiatif kesejahteraan rakyat di peringkat persekutuan, negeri dan daerah.

3. MEKANISME PENYELARASAN PELAKSANAAN

- 3.1 Mekanisme penyelarasan pelaksanaan adalah seperti berikut:

PERINGKAT PERSEKUTUAN

3.1.1 **Majlis Tindakan Pembangunan Negara (MTPN)**

MTPN merupakan platform tertinggi yang memutuskan strategi pelaksanaan dan hala tuju penyelesaian agenda pembangunan negara.

3.1.2 **Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Negara (JTPN)**

JTPN berfungsi memastikan semua keputusan MTPN dilaksanakan. JTPN juga berperanan mencari jalan penyelesaian ke atas isu dan masalah pelaksanaan

program/projek pembangunan serta isu-isu berkaitan kesejahteraan rakyat.

3.1.3 **Majlis Tindakan Pembangunan Kementerian (MTPK)**

MTPK bertindak memastikan semua keputusan MTPN dan JTPN dilaksanakan sepenuhnya di peringkat kementerian. MTPK turut berperanan mencari jalan penyelesaian ke atas isu dan masalah pelaksanaan program/projek pembangunan di bawah kementerian serta isu-isu berkaitan kesejahteraan rakyat.

3.1.4 **Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK)**

JTPK bertanggungjawab memastikan semua arahan dan keputusan MTPN, JTPN dan MTPK dilaksanakan dengan berkesan. JTPK juga perlu menangani isu/masalah dasar dan strategi pelaksanaan program/projek pembangunan di kementerian termasuk isu-isu berkaitan kesejahteraan rakyat.

PERINGKAT NEGERI

3.1.5 **Majlis Tindakan Pembangunan Negeri (MTPNg)/ Majlis Tindakan Pembangunan Wilayah Persekutuan (MTPWP)**

MTPNg/MTPWP berfungsi memastikan keputusan-keputusan MTPN dan JTPN dilaksanakan sepenuhnya di peringkat negeri. Di samping itu, MTPNg/MTPWP berperanan menetapkan dasar pelaksanaan program/projek pembangunan dan inisiatif kesejahteraan rakyat di peringkat negeri.

3.1.6 **Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Negeri (JTPNg)/ Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Wilayah Persekutuan (JTPWP)**

JTPNg/JTPWP berfungsi memastikan keputusan-keputusan MTPNg/MTPWP dilaksanakan sepenuhnya di peringkat negeri/Wilayah Persekutuan. JTPNg/JTPWP

juga berperanan menyelaraskan dan menangani isu/permasalahan program/projek pembangunan termasuk perkara berkaitan kesejahteraan rakyat di peringkat negeri/Wilayah Persekutuan.

3.1.7 Focus Group Kesejahteraan Rakyat Peringkat Negeri (FGN)

FGN berfungsi menyelaraskan pelaksanaan dasar, merangka strategi dan program kesejahteraan rakyat kepada kumpulan sasar di peringkat negeri.

PERINGKAT WILAYAH/DAERAH/BAHAGIAN

3.1.8 Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah (JTPD)/Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Bahagian (JTPB)

JTPD/JTPB berfungsi memastikan semua keputusan MTPNng dan JTPNng dilaksanakan sepenuhnya di peringkat daerah/bahagian (Sarawak). JTPD/JTPB juga berperanan menyelaraskan dan menangani isu/permasalahan program/projek pembangunan termasuk perkara berkaitan kesejahteraan rakyat di peringkat daerah/bahagian (Sarawak).

3.1.9 Focus Group Kesejahteraan Rakyat Peringkat Daerah (FGD)

FGD berfungsi melaksanakan dasar serta program kesejahteraan rakyat di samping menyediakan profil dan maklumat kumpulan sasar di peringkat daerah. Mewujudkan *Focus Individual Countdown* (FIC) sebagai satu strategi untuk memperhalusi profil kumpulan sasar di peringkat daerah.

3.2 Pangkalan Data Pelaksanaan dan Pemantauan

3.2.1 Mekanisme penyelarasan pelaksanaan pembangunan akan menggunakan Sistem MyProjek, Bank Data Kemiskinan Nasional (eKasih), Pangkalan Data Perlindungan Sosial (PDPS) dan sistem-sistem lain yang akan dibangunkan dari semasa ke semasa.

- 3.2.2 Sistem MyProjek bertujuan untuk membantu pemantauan program/projek pembangunan di bawah RMLT dengan menggunakan teknologi maklumat sebagai pemudah cara. Bagi memastikan ketepatan maklumat, kementerian/agensi bertanggungjawab mengemas kini data secara konsisten.
- 3.2.3 Sistem eKasih adalah sistem bersepadu yang menjadi rujukan utama mengenai profil kemiskinan isi rumah negara termasuk Ketua Isi Rumah (KIR) dan Ahli Isi Rumah (AIR), maklumat pendapatan, jenis bantuan, agensi pemberi bantuan dan keberkesanan program-program bantuan yang diberikan sehingga mereka terkeluar daripada garis kemiskinan.
- 3.2.4 Bagi memastikan bantuan diberikan kepada kumpulan sasar, kementerian/agensi pemberi bantuan hendaklah memberi keutamaan kepada isi rumah yang telah didaftarkan dalam sistem eKasih bagi penyaluran program kesejahteraan rakyat. Kementerian/agensi juga bertanggungjawab untuk mengemas kini maklumat bantuan secara konsisten bagi mengelakkan pertindihan pemberian bantuan.
- 3.2.5 Perlindungan sosial perlu bertindak sebagai benteng terhadap kelemahan sosioekonomi yang wujud. Dalam hubungan ini, Kerajaan melalui Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (MySPC) memutuskan supaya PDPS digunakan. PDPS mengandungi maklumat profil rakyat Malaysia dan data-data berkaitan program perlindungan sosial daripada pelbagai kementerian/agensi yang terlibat di peringkat persekutuan dan negeri.
- 3.2.6 PDPS menjadi *single point of reference* dan *single gateway* bagi permohonan dan penawaran program perlindungan sosial oleh agensi persekutuan dan negeri yang meliputi elemen pekerjaan, insurans sosial dan bantuan sosial.

4. PELANTIKAN AHLI-AHLI MAJLIS/JAWATANKUASA

- 4.1 Pengerusi boleh menjemput wakil daripada sektor swasta dan pertubuhan sukarela bagi mewakili kepentingan-kepentingan tertentu untuk hadir dalam Majlis/Jawatankuasa dari semasa ke semasa dengan syarat perkara-perkara melibatkan kerahsiaan Kerajaan terpelihara.
- 4.2 Sekiranya nama jawatan ahli Majlis/Jawatankuasa berbeza di negeri, urus setia boleh memperakukan kepada pengerusi supaya pelantikan berkenaan dibuat mengikut tatanama jawatan di negeri masing-masing.
- 4.3 Bagi memastikan keputusan dapat dibuat semasa mesyuarat, kehadiran adalah atas nama jawatan. Sekiranya ahli tidak dapat hadir, kehadiran boleh diwakilkan kepada Timbalan atau pegawai yang paling kanan selepasnya.
- 4.4 Pengerusi MTPNg boleh melantik mana-mana individu sebagai Ahli Mesyuarat atau dijemput hadir ke mesyuarat Majlis/Jawatankuasa berdasarkan keperluan fungsi/peranan Majlis/Jawatankuasa tersebut.

5. PERUBAHAN KEPADA NAMA, PENERUSI, KEANGGOTAAN, FUNGSI MAJLIS DAN JAWATANKUASA

- 5.1 YAB Perdana Menteri boleh membatalkan atau meminda perkara-perkara berikut iaitu nama, pengerusi, keanggotaan atau fungsi mana-mana Majlis/Jawatankuasa.
- 5.2 Ahli-ahli Yang Berhormat yang menganggotai MTPNg/MTPWP, JTPD dan FGD hendaklah terdiri daripada wakil-wakil rakyat yang dipersetujui oleh Pengerusi Majlis Tindakan Pembangunan Negara.

6. FUNGSI UNIT PENYELARASAN PELAKSANAAN, JABATAN PERDANA MENTERI (ICU JPM) SEBAGAI URUS SETIA MAJLIS TINDAKAN PEMBANGUNAN NEGARA

- 6.1 Tatacara kerja dan hubungan kementerian/jabatan/agensi dengan ICU JPM adalah seperti di **Lampiran A**.

7. PEMAKAIAN ARAHAN


- 7.1 Arahan ini berkuat kuasa bagi semua peringkat persekutuan, negeri dan daerah mulai 7 Februari 2023.

8. PENUTUP

- 8.1 Dengan berkuatkuasanya Arahan ini, maka Arahan No. 1 2022 Mekanisme Penyelarasan Pelaksanaan Pembangunan Negara bertarikh 1 Januari 2022 adalah dibatalkan.
- 8.2 Pindaan kepada Arahan ini akan dibuat dari semasa ke semasa berdasarkan arahan YAB Perdana Menteri.
- 8.3 Segala pertanyaan mengenai pelaksanaan Arahan ini hendaklah dikemukakan kepada:

Sekretariat Hal Ehwal Khas,
Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU JPM),
Jabatan Perdana Menteri,
Aras 2, Blok Timur, Bangunan Perdana Putra,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502 PUTRAJAYA

No. Telefon : 03-8872 6535 / 3973 / 6534
No. Faks : 03-8888 3571
E-mel : sekretariat@icu.gov.my




DATO' SERI ANWAR IBRAHIM
PERDANA MENTERI MALAYSIA
PUTRAJAYA

Tarikh : 7 Februari 2023

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN ARAHAN NO. 1 2023 MEKANISME PENYELARASAN PELAKSANAAN PEMBANGUNAN NEGARA

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Hubungan dan aliran maklumat Arahan No. 1 2023 Mekanisme Penyelarasan Pelaksanaan Pembangunan Negara adalah seperti berikut:



2. PENYELARASAN PELAKSANAAN PERINGKAT PERSEKUTUAN

2.1 MAJLIS TINDAKAN PEMBANGUNAN NEGARA (MTPN)

2.1.1 Keahlian MTPN

Pengerusi : Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan

Ahli : (i) Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah
(ii) Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perladangan dan Komoditi
(iii) Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan
(iv) Menteri Ekonomi
(v) Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan
(vi) Menteri Pertahanan
(vii) Menteri Kerja Raya
(viii) Menteri Dalam Negeri
(ix) Ketua Setiausaha Negara

Jemputan : Menteri/Menteri Besar/Ketua Menteri dijemput berasaskan isu yang dibincangkan

Setiausaha : Ketua Pengarah ICU JPM

Urus Setia : ICU JPM

2.1.2 Fungsi MTPN

- (a) Memastikan strategi dan pelaksanaan pembangunan negara selaras dengan dasar-dasar yang berkuat kuasa;
- (b) Memutuskan penyelesaian bagi isu-isu berkaitan pembangunan fizikal dan bukan fizikal, infrastruktur dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan kepentingan negara;

- (c) Memutuskan tindakan serta hala tuju penyelesaian isu-isu pelaksanaan yang signifikan, tertangguh lama, melibatkan pertikaian pelbagai pihak, merentasi tiga peringkat Kerajaan yang memerlukan intervensi di peringkat tertinggi negara; dan
- (d) Memutuskan dasar berkaitan program/projek Kerajaan untuk mencapai matlamat kesejahteraan rakyat dan isu-isu kemiskinan di peringkat nasional.

2.1.3 **Kekerapan Mesyuarat**

MTPN hendaklah bermesyuarat dua (2) kali setahun atau seperti yang ditetapkan oleh Pengerusi.

2.2 **JAWATANKUASA TINDAKAN PEMBANGUNAN NEGARA (JTPN)**

2.2.1 **Keahlian JTPN**

Pengerusi : Ketua Setiausaha Negara

Timbalan

Pengerusi : Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Ahli : (i) Ketua Setiausaha Perbendaharaan
 (ii) Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi
 (iii) Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri
 (iv) Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
 (v) Ketua Pengarah Kerja Raya
 (vi) Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
 (vii) Ketua Pengarah Pengairan dan Saliran

Jemputan : Ketua Jabatan/Agensi Kerajaan berasaskan isu yang dibincangkan

Setiausaha : Ketua Pengarah ICU JPM

Urus Setia : ICU JPM

2.2.2 Fungsi JTPN

- (a) Memastikan setiap keputusan MTPN dilaksanakan;
- (b) Memastikan pelaksanaan program/projek pembangunan negara selaras dasar-dasar yang berkuat kuasa;
- (c) Memastikan aktiviti Badan Berkanun Persekutuan selaras dengan objektif penubuhannya;
- (d) Mengenal pasti dan menyelesaikan isu-isu pentadbiran kontrak serta pengurusan program/projek pembangunan Kerajaan;
- (e) Menilai sistem dan prosedur sedia ada dari segi perancangan, pelaksanaan dan penilaian program/projek pembangunan; dan
- (f) Memantau serta menilai program/projek Kerajaan untuk mencapai matlamat kesejahteraan rakyat dan isu-isu kemiskinan di peringkat nasional.

2.2.3 Kekerapan Mesyuarat

JTPN hendaklah bermesyuarat setiap suku tahun atau seperti yang ditetapkan oleh Pengerusi.

2.3 MAJLIS TINDAKAN PEMBANGUNAN KEMENTERIAN (MTPK)

2.3.1 Keahlian MTPK

Pengerusi : Menteri

Ahli : (i) Timbalan Menteri
(ii) Ketua Setiausaha Kementerian
(iii) Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian

- (iv) Ketua Jabatan/Agensi di bawah kementerian
- (v) Wakil Kementerian Kewangan
- (vi) Wakil ICU JPM
- (vii) Wakil Kementerian Ekonomi
- (viii) Wakil Jabatan Kerja Raya

Jemputan : Ketua Jabatan/Agensi Kerajaan termasuk Badan Berkanun di bawah kementerian serta mana-mana badan yang dijemput berasaskan isu yang dibincangkan

Setiausaha : Setiausaha Bahagian Pembangunan

Urus Setia : Bahagian Pembangunan Kementerian

2.3.2 Fungsi MTPK

- (a) Melaksanakan arahan dan keputusan Jemaah Menteri, MTPN dan JTPN yang berkaitan program/projek pembangunan kementerian;
- (b) Memastikan strategi pelaksanaan program/projek pembangunan kementerian selaras dengan dasar-dasar yang berkuat kuasa;
- (c) Menyelaras perancangan, pelaksanaan serta penilaian program/projek pembangunan kementerian;
- (d) Menimbang dan memutuskan perancangan program/projek kementerian;
- (e) Membincang perancangan perolehan kementerian;
- (f) Memantau dan menilai impak pelaksanaan program/projek pembangunan kementerian ke atas dasar-dasar Kerajaan;
- (g) Memantau dan menilai prestasi pelaksanaan program/projek pembangunan semua agensi di

bawah kementerian selaras dengan peraturan semasa yang berkuat kuasa; dan

- (h) Memantau serta menilai program/projek Kerajaan untuk mencapai matlamat kesejahteraan rakyat dan isu-isu kemiskinan di peringkat kementerian.

2.3.3 **Kekerapan Mesyuarat**

MTPK hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun.

2.4 **JAWATANKUASA TINDAKAN PEMBANGUNAN KEMENTERIAN (JTPK)**

2.3.1 **Keahlian JTPK**

Pengerusi : Ketua Setiausaha Kementerian

Ahli : (i) Timbalan Ketua Setiausaha
(ii) Ketua Jabatan/Agensi di bawah kementerian
(iii) Wakil Kementerian Kewangan
(iv) Wakil ICU JPM
(v) Wakil Kementerian Ekonomi
(vi) Wakil Jabatan Kerja Raya

Jemputan : Ketua Jabatan/Agensi Kerajaan termasuk Badan Berkanun di bawah kementerian serta mana-mana badan yang dijemput berasaskan isu yang dibincangkan

Setiausaha : Setiausaha Bahagian Pembangunan

Urus Setia : Bahagian Pembangunan Kementerian

2.3.2 **Fungsi JTPK**

- (a) Memastikan semua arahan dan keputusan MTPN, JTPN dan MTPK dilaksanakan dengan berkesan;
- (b) Menyelaras perancangan, pelaksanaan serta penilaian semua program/projek pembangunan di bawah kementerian;

- (c) Memastikan setiap perancangan program/projek mengambil kira aspirasi Kerajaan dan faktor-faktor utama seperti kewangan dan sumber manusia;
- (d) Memantau dan menilai impak pelaksanaan program/projek pembangunan kementerian ke atas dasar-dasar Kerajaan seperti alam sekitar, pembangunan sosial, budaya dan pembangunan modal insan;
- (e) Mengenal pasti dan menyelesaikan isu dan masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan program/projek kementerian;
- (f) Memantau dan menilai prestasi Badan-badan Berkanun di bawah kementerian selaras dengan peraturan semasa yang berkuat kuasa; dan
- (g) Memantau serta menilai program/ projek Kerajaan untuk mencapai matlamat ke arah kesejahteraan rakyat dan isu-isu kemiskinan di peringkat kementerian.

2.3.3 **Kekerapan Mesyuarat**

JTPK hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya satu (1) kali sebulan.

3. **PENYELARASAN PELAKSANAAN PERINGKAT NEGERI**

3.1 **MAJLIS TINDAKAN PEMBANGUNAN NEGERI (MTPNg)**

3.1.1 **Keahlian MTPNg**

Pengerusi : Menteri Besar/Ketua Menteri

Pengerusi

Bersama : Menteri Kerajaan Persekutuan yang dilantik oleh Perdana Menteri

- Ahli : (i) Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang dilantik oleh Pengerusi MTPNg
- (ii) Setiausaha Kerajaan Negeri
- (iii) Pegawai Kewangan Negeri
- (iv) Penasihat Undang-Undang Negeri
- (v) Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri
- (vi) Pengarah Tanah dan Galian Negeri
- (vii) Pengarah Kerja Raya Negeri
- (viii) Ketua Polis Negeri
- (ix) Pengarah Pertanian Negeri
- (x) Pengarah Pengairan dan Saliran Negeri
- (xi) Pengarah PLANMalaysia Negeri
- (xii) Pengarah Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
- (xiii) Pengarah Pendidikan Negeri
- (xiv) Pengarah Kesihatan Negeri
- (xv) Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri
- (xvi) Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri
- (xvii) Pegawai Daerah
- (xviii) Datuk Bandar/Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan
- (xix) Pengarah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah Negeri
- (xx) Pengurus Besar Syarikat Utiliti
- (xxi) Pengurus Besar atau Ketua Eksekutif Badan Berkanun (Persekutuan/Negeri)

Jemputan : Ketua Jabatan/Agensi Kerajaan serta mana-mana badan yang dijemput berasaskan isu yang dibincangkan

Setiausaha : Pengarah Pembangunan Negeri

Urus Setia : Pejabat Pembangunan Negeri

3.1.2 Keahlian MTPNg Sabah

Pengerusi : Ketua Menteri

Ahli :

- (i) Menteri Kabinet Negeri yang dilantik oleh Pengerusi MTPNg
- (ii) Setiausaha Kerajaan Negeri
- (iii) Setiausaha Persekutuan
- (iv) Peguam Besar Negeri Sabah
- (v) Ketua Polis Negeri
- (vi) Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
- (vii) Pegawai Kewangan Persekutuan
- (viii) Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri
- (ix) Pengarah Tanah dan Ukur Negeri
- (x) Pengarah Kerja Raya Negeri
- (xi) Pengarah Pertanian Negeri
- (xii) Pengarah Pengairan dan Saliran Negeri
- (xiii) Setiausaha Hasil Bumi
- (xiv) Pengarah Perancang Bandar dan Wilayah
- (xv) Ketua Konservator Hutan
- (xvi) Pengarah Jabatan Air Negeri
- (xvii) Pengarah Pembentukan Negeri
- (xviii) Pengarah Pendidikan Negeri
- (xix) Pengarah Kesihatan Negeri
- (xx) Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri
- (xxi) Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri
- (xxii) Pengarah Jabatan Akauntan Negara
- (xxiii) Pengarah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah Persekutuan, Sabah
- (xxiv) Pegawai Daerah
- (xxv) Datuk Bandar/Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan
- (xxvi) Pengurus Besar Syarikat Utiliti

(xxvii) Pengurus Besar atau Ketua
Eksekutif Badan Berkanun
(Persekutuan/Negeri)

Jemputan : Ketua Jabatan/Agensi Kerajaan serta
mana-mana badan yang dijemput
berasaskan isu yang dibincangkan

Setiausaha : Pengarah Pembangunan Negeri

Urus Setia : Pejabat Pembangunan Negeri

3.1.3 **Keahlian MTPNg Sarawak**

Pengerusi : Premier

Ahli : (i) Menteri Kabinet Negeri yang
dilantik oleh Pengerusi MTPNg
(ii) Setiausaha Kerajaan Negeri
(iii) Setiausaha Persekutuan
(iv) Peguam Besar Negeri Sarawak
(v) Setiausaha Kewangan Negeri
(vi) Semua Setiausaha Tetap
Kementerian Negeri
(vii) Pegawai Kewangan Persekutuan
(viii) Pengarah Unit Pemantauan
Pelaksanaan Negeri
(ix) Pengarah Unit Perancang Ekonomi
Negeri
(x) Pengarah Tanah dan Survei Negeri
(xi) Pengarah Kerja Raya Negeri
(xii) Pengarah Pertanian Negeri
(xiii) Pengarah Pengairan dan Saliran
Negeri
(xiv) Pengarah JKPTG Persekutuan
(xv) Ketua Polis Negeri
(xvi) Pengarah Pendidikan Negeri
(xvii) Pengarah Kesihatan Negeri
(xviii) Residen Bahagian
(xix) Datuk Bandar
(xx) Pengarah Kementerian Kemajuan
Desa dan Wilayah Persekutuan,
Sarawak

- (xxi) Pengurus Besar Syarikat Utiliti
- (xxii) Pengurus Besar atau Ketua
Eksekutif Badan Berkanun
(Persekutuan/Negeri)

Jemputan : Ketua Jabatan/Agensi Kerajaan serta
mana-mana badan yang dijemput
berasaskan isu yang dibincangkan

Setiausaha : Pengarah Pembangunan Negeri

Urus Setia : Pejabat Pembangunan Negeri

3.1.4 Keahlian MTPWP

Pengerusi : Menteri Kerajaan Persekutuan
yang dilantik oleh Perdana Menteri

- Ahli :
- (i) Ahli-ahli Parlimen Wilayah
Persekutuan yang dilantik oleh
Pengerusi MTPWP
 - (ii) Ketua Setiausaha
Perbendaharaan
 - (iii) Ketua Setiausaha Kementerian
Pembangunan Kerajaan Tempatan
 - (iv) Ketua Setiausaha Kementerian
Ekonomi
 - (v) Pengarah Pembangunan Negeri
Wilayah Persekutuan
 - (vi) Ketua Pengarah PLANMalaysia
 - (vii) Pengarah Tanah dan Galian WP
 - (viii) Ketua Polis Kuala Lumpur,
Putrajaya dan Labuan
 - (ix) Pengarah Jabatan Agama Islam WP
 - (x) Pengarah Jabatan Ketua
Pengarah Tanah dan Galian
Persekutuan
 - (xi) Pengarah Jabatan Kerja Raya WP
Kuala Lumpur, Putrajaya dan
Labuan
 - (xii) Pengarah Pendidikan WP Kuala
Lumpur, Putrajaya dan Labuan
 - (xiii) Pengarah Kesihatan WP Kuala
Lumpur, Putrajaya dan Labuan

- (xiv) Pengarah Pengairan dan Saliran Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan
- (xv) Pengarah Kebajikan Masyarakat WP Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan
- (xvi) Datuk Bandar/Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan
- (xvii) Pengarah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
- (xviii) Pengurus Besar Syarikat Utiliti
- (xix) Pengurus Besar/Ketua Eksekutif Badan Berkanun (Persekutuan/Negeri)
- (xx) Bahagian Pembangunan, Jabatan Perdana Menteri

Jemputan : Ketua Jabatan/Agensi Kerajaan serta mana-mana badan yang dijemput berasaskan isu yang dibincangkan

Setiausaha : Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan

Urus Setia : Jabatan Wilayah Persekutuan

3.1.5 **Kekerapan Mesyuarat**

MTPNg/MTPWP hendaklah bermesyuarat setiap suku tahun atau seperti yang ditetapkan oleh Pengerusi.

3.1.6 **Fungsi MTPNg/MTPWP**

- (a) Memastikan keputusan MTPN dan JTPN dilaksanakan;
- (b) Menetapkan strategi dan memantau pelaksanaan pembangunan negeri sejajar dengan dasar-dasar yang berkuatkuasa;
- (c) Menentukan dan memperakukan senarai cadangan program/projek RMLT untuk pertimbangan Kementerian Ekonomi;

- (d) Memantau pelaksanaan program/projek di negeri agar berjalan seperti yang dirancang;
- (e) Memantau pelaksanaan program/projek di bawah Badan-badan Berkanun Negeri selaras dengan objektif penubuhannya;
- (f) Mengenal pasti dan menyelesaikan sebarang isu yang dihadapi dalam pelaksanaan program/projek pembangunan; dan
- (g) Memantau serta menilai program/projek Kerajaan untuk mencapai matlamat ke arah penyertaan Bumiputera, kesejahteraan rakyat dan isu-isu kemiskinan di peringkat negeri.

3.2 JAWATANKUASA TINDAKAN PEMBANGUNAN NEGERI (JTPNg)

3.2.1 Keahlian JTPNg

Pengerusi : Setiausaha Kerajaan Negeri

Ahli :

- (i) Pegawai Kewangan Negeri
- (ii) Pegawai Kewangan Persekutuan (Sabah dan Sarawak)
- (iii) Setiausaha Tetap Kementerian (Sabah dan Sarawak)
- (iv) Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)/Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN)
- (v) Pengarah Tanah dan Galian Negeri/Pengarah Tanah dan Ukur (Sabah)/Pengarah Tanah dan Survei (Sarawak);
- (vi) Pengarah Kerja Raya Negeri
- (vii) Pengarah Pertanian Negeri
- (viii) Pengarah Pengairan dan Saliran Negeri
- (ix) Pengarah PLANMalaysia Negeri/Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah (Sabah)
- (x) Pengarah Majlis Amanah Rakyat (MARA) Negeri

- (xi) Pengarah Pendidikan Negeri
- (xii) Pengarah Kesihatan Negeri
- (xiii) Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri
- (xiv) Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri (kecuali Sarawak)
- (xv) Pegawai Daerah/Residen
- (xvi) Datuk Bandar/Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan
- (xvii) Pengarah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah Negeri
- (xviii) Pengurus Besar Syarikat Utiliti
- (xix) Pengurus Besar atau Ketua Eksekutif Badan Berkanun (Persekutuan/Negeri)

Jemputan : Ketua Jabatan/Agensi Kerajaan serta mana-mana badan yang berasaskan isu yang dibincangkan

Setiausaha : Pengarah Pembangunan Negeri

Urus Setia : Pejabat Pembangunan Negeri

3.2.2 Fungsi JTPNg

- (a) Memastikan keputusan MTPNg dilaksanakan;
- (b) Menyelaras pelaksanaan program/projek di peringkat negeri;
- (c) Memantau dan menilai impak pelaksanaan program/projek pembangunan di peringkat negeri selaras dengan dasar-dasar yang berkuat kuasa;
- (d) Menilai dan menimbang permohonan program/projek pembangunan yang diperakukan JTPD/JTPB;
- (e) Menentukan dan memperakukan senarai cadangan program/projek RMLT negeri untuk pertimbangan MTPNg;

- (f) Mengenal pasti dan menyelesaikan sebarang isu yang dihadapi dalam pelaksanaan program/projek pembangunan; dan
- (g) Memantau serta menilai program/projek Kerajaan untuk mencapai matlamat ke aras penyertaan Bumiputera, kesejahteraan rakyat dan isu-isu kemiskinan di peringkat negeri.

3.2.3 **Kekerapan Mesyuarat**

JTPNg hendaklah bermesyuarat setiap dua (2) bulan atau seperti yang ditetapkan oleh Pengerusi.

3.3 **JAWATANKUASA TINDAKAN PEMBANGUNAN WILAYAH PERSEKUTUAN (JTPWP)**

3.3.1 **Keahlian JTPWP**

Pengerusi : Pengarah Pembangunan Negeri

Ahli : (i) Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
 (ii) Datuk Bandar Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
 (iii) Presiden Perbadanan Putrajaya
 (iv) Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan
 (v) Pengarah Kerja Raya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan
 (vi) Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan
 (vii) Pengarah Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan
 (viii) Pengarah Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan
 (ix) Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan

- (x) Pengarah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah Negeri
- (xi) Pengurus Besar Syarikat Utiliti

Jemputan : Ketua Jabatan/Agensi Kerajaan serta mana-mana badan yang dijemput berasaskan isu yang dibincangkan

Setiausaha : Timbalan Pengarah Pembangunan Negeri

Urus Setia : Pejabat Pembangunan Negeri

3.3.2 **Fungsi JTPWP**

- (a) Memastikan keputusan MTPK dan MTPWP dilaksanakan;
- (b) Memantau dan menilai impak pelaksanaan program/projek pembangunan;
- (c) Menyelaras dan mengemukakan cadangan pelaksanaan program/projek kementerian/agensi berkaitan;
- (d) Mengenal pasti dan menyelesaikan sebarang isu yang dihadapi dalam pelaksanaan program/projek pembangunan; dan
- (e) Memantau dan menilai pelaksanaan program/projek dan isu-isu kemiskinan.

3.3.3 **Kekerapan Mesyuarat**

JTPWP hendaklah bermesyuarat setiap dua (2) bulan atau seperti yang ditetapkan oleh Pengerusi.

3.4 **FOCUS GROUP KESEJAHTERAAN RAKYAT PERINGKAT NEGERI**

3.4.1 **Keahlian Focus Group Kesejahteraan Rakyat Peringkat Negeri (FGN)**

Pengerusi : Setiausaha Kerajaan Negeri

Ahli : (i) Pegawai Kewangan Negeri
(ii) Pengarah Kesihatan Negeri
(iii) Pengarah Pendidikan Negeri
(iv) Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)/Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN)
(v) Pengarah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah Negeri
(vi) Wakil Majlis Agama Islam
(vii) Ketua Pusat Zakat Negeri
(viii) Pengarah Pertanian Negeri
(ix) Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri
(x) Pegawai Daerah/Residen
(xi) Datuk Bandar/Yang Di Pertua Pihak Berkuasa Tempatan

Jemputan : Ketua Jabatan/Agensi Kerajaan serta mana-mana badan yang berasaskan isu yang dibincangkan

Setiausaha : Pengarah Pembangunan Negeri

Urus Setia : Pejabat Pembangunan Negeri

3.4.2 **Keahlian *Focus Group Kesejahteraan Rakyat Wilayah Persekutuan* (FGW)**

Pengerusi : Pengarah Pembangunan Negeri

Ahli : (i) Pengarah Kesihatan Wilayah Persekutuan
(ii) Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan
(iii) Setiausaha Bahagian, Bahagian Sosio Ekonomi, Kementerian Wilayah Persekutuan
(iv) Pengarah Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan
(v) Ketua Pegawai Eksekutif Majlisi Agama Islam
(vi) Datuk Bandar Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

- (vii) Presiden Perbadanan Putrajaya
- (viii) Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan
- (ix) Pengarah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah Negeri
- (x) Pengarah Perangkaan Wilayah Persekutuan
- (xi) Ketua Pusat Zakat Wilayah Persekutuan
- (xii) Pengarah Tenaga Kerja Semenanjung

Jemputan : Ketua Jabatan/Agensi Kerajaan serta mana-mana badan yang berasaskan isu yang dibincangkan

Setiausaha : Timbalan Pengarah Pembangunan Negeri

Urus Setia : Pejabat Pembangunan Negeri

3.4.3 Fungsi FGN/FGW

- (a) Melaksanakan dasar dan strategi serta program/projek kesejahteraan rakyat di peringkat negeri;
- (b) Menyelaraskan dan memantau perancangan dan pelaksanaan program kemiskinan serta mengenal pasti isu dan masalah dalam penyelarasan dan pelaksanaan program/projek kesejahteraan rakyat dan mencadangkan penyelesaiannya;
- (c) Memastikan semua pejabat daerah dan agensi yang melaksanakan program/projek kesejahteraan rakyat mematuhi Prosedur Operasi Standard berkaitan Sistem eKasih seperti di **Lampiran B** dan **Lampiran C**;
- (d) Membuat penilaian *outcome* dan impak ke atas program/projek kesejahteraan rakyat bagi memastikan keberkesannya;
- (e) Memastikan Sistem eKasih digunakan sebagai rujukan utama dan dikemas kini dari semasa ke semasa; dan

- (f) Menyediakan laporan kepada Majlis Tindakan Pembangunan Negeri (MTPNg) atau Majlis Tindakan Pembangunan Wilayah Persekutuan (MTWP).

3.4.4 **Kekerapan Mesyuarat**

FGN/FGW hendaklah bermesyuarat setiap suku tahun atau seperti yang ditetapkan oleh Pengerusi.

4. **PENYELARASAN PELAKSANAAN PERINGKAT DAERAH**

4.1 **JAWATANKUASA TINDAKAN PEMBANGUNAN DAERAH (JTPD)**

4.1.1 **Keahlian JTPD**

Pengerusi : Pegawai Daerah

Ahli : (i) Semua Ahli Parlimen/Ahli Dewan Undangan Negeri bagi daerah berkenaan
 (ii) Ketua Polis Daerah
 (iii) Pegawai Kesihatan Daerah
 (iv) Pegawai Pendidikan Daerah
 (v) Jurutera Daerah, Jabatan Kerja Raya
 (vi) Jurutera Daerah, Jabatan Pengairan dan Saliran
 (vii) Pegawai Pertanian Daerah
 (viii) Pegawai Majlis Amanah Rakyat (MARA) Daerah
 (ix) Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan
 (x) Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah
 (xi) Pegawai Belia dan Sukan Daerah
 (xii) Pengurus Besar atau Wakil Agensi Pembangunan Tanah/Wilayah (bagi daerah yang berkenaan sahaja)

Jemputan : Ketua Jabatan/Agensi Kerajaan serta mana-mana badan yang dijemput berasaskan isu yang dibincangkan

Setiausaha : Ketua Penolong Pegawai Daerah
(Pembangunan)

Urus Setia : Pejabat Daerah

4.1.2 Fungsi JTPD

- (a) Memantau dan menilai impak pelaksanaan program/projek pembangunan;
- (b) Menyelaras dan mengemukakan cadangan pelaksanaan program/projek pembangunan bagi daerah berkenaan;
- (c) Memastikan masalah serta isu pelaksanaan program/projek pembangunan yang tidak dapat diselesaikan dikemukakan kepada JTPNg; dan
- (d) Memantau dan menilai pelaksanaan program/projek pembangunan dan isu-isu kemiskinan.

4.1.3 Kekерapan Mesyuarat

JTPD hendaklah bermesyuarat sebulan sekali atau seperti yang ditetapkan oleh Pengerusi.

4.2 JAWATANKUASA TINDAKAN PEMBANGUNAN BAHAGIAN (JTPB)

4.2.1 Keahlian JTPB

Pengerusi : Residen

- Ahli :
- (i) Semua Ahli Parlimen/Ahli Dewan Undangan Negeri bagi Bahagian berkenaan
 - (ii) Pengarah Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri
 - (iii) Pegawai Daerah di Bahagian Berkaitan
 - (iv) Pengarah Kerja Raya Sarawak
 - (v) Pengarah Tanah dan Survei Sarawak

- (vi) Pegawai Kewangan Persekutuan
- (vii) Pengarah Pengairan dan Saliran Sarawak
- (viii) Pengarah Bekalan Air Luar Bandar Sarawak
- (ix) Pengarah Pertanian Sarawak
- (x) Datuk Bandar
- (xi) Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak
- (xii) Pengarah Kesihatan Negeri Sarawak
- (xiii) Pengarah Agensi Pembangunan Wilayah Berkaitan

Jemputan : Ketua Jabatan/Agensi Kerajaan serta mana-mana badan yang dijemput berasaskan isu yang dibincangkan

Setiausaha : Timbalan Residen

Urus Setia : Pejabat Residen

4.2.2 Fungsi JTPB

- (a) Memantau dan menilai impak pelaksanaan program/projek pembangunan;
- (b) Menyelaraskan dan mengemukakan cadangan pelaksanaan program/projek pembangunan bagi Bahagian berkenaan;
- (c) Memastikan masalah serta isu pelaksanaan program/projek pembangunan yang tidak dapat diselesaikan dikemukakan kepada JTPNng; dan
- (d) Memantau dan menilai pelaksanaan program/projek pembangunan dan isu-isu kemiskinan.

4.2.3 Kekerapan Mesyuarat

JTPB hendaklah bermesyuarat sebulan sekali atau seperti yang ditetapkan oleh Pengerusi.

4.3 **FOCUS GROUP KESEJAHTERAAN RAKYAT PERINGKAT DAERAH**

4.3.1 **Keahlian Focus Group Kesejahteraan Rakyat Peringkat Daerah (FGD)**

Pengerusi : Pegawai Daerah/Residen (Sarawak)

Ahli : (i) Ahli Parlimen/Ahli Dewan Undangan Negeri yang dilantik oleh Pengerusi MTPNg
(ii) Datuk Bandar/Yang Di Pertua Pihak Berkuasa Tempatan
(iii) Pegawai Kesihatan Daerah
(iv) Pegawai Pendidikan Daerah
(v) Jurutera Daerah, Jabatan Kerja Raya
(vi) Pegawai Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Daerah
(vii) Pentadbir Agama Daerah
(viii) Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah
(ix) Pegawai Lembaga Kemajuan Wilayah
(x) Pegawai Majlis Amanah Rakyat (MARA) Daerah
(xi) Pegawai Pertanian Daerah
(xii) Pegawai RISDA Daerah
(xiii) Pegawai Belia dan Sukan Daerah
(xiv) Pegawai Amanah Ikhtiar Malaysia
(xv) Penghulu/Penggawa/Ketua Masyarakat

Jemputan : Ketua Jabatan/Agensi Kerajaan serta mana-mana badan yang dijemput berasaskan isu yang dibincangkan

Setiausaha : Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan)/Timbalan Residen

Urus Setia : Pejabat Daerah/Pejabat Residen

4.3.2 Fungsi *Focus Group*

- (a) Melaksanakan dasar, strategi serta program/projek kesejahteraan rakyat di peringkat daerah;
- (b) Menyelaras dan memantau perancangan dan pelaksanaan program kemiskinan;
- (c) Memastikan semua pejabat daerah dan agensi yang melaksanakan program/projek kesejahteraan rakyat mematuhi Prosedur Operasi Standard berkaitan Sistem eKasih seperti di **Lampiran B** dan **Lampiran C**;
- (d) Mengenal pasti isu dan masalah dalam penyelarasan dan pelaksanaan program/projek kesejahteraan rakyat dan mencadangkan penyelesaiannya;
- (e) Membuat penilaian *outcome* dan impak ke atas program/projek kesejahteraan rakyat bagi memastikan keberkesanannya;
- (f) Memastikan Sistem eKasih digunakan sebagai rujukan utama dan dikemas kini dari semasa ke semasa; dan
- (g) Mengenal pasti senarai pendaftaran baharu, membuat verifikasi dan pemutihan dalam Sistem eKasih yang layak dibanci.

4.3.3 Kekerapan Mesyuarat

FGD hendaklah bermesyuarat setiap dua (2) bulan atau seperti yang ditetapkan oleh Pengerusi.

PANDUAN UMUM

Pengurusan Mesyuarat

1. Bagi memastikan keberkesanan tadbir urus pelaksanaan sesuatu keputusan mesyuarat, urus setia hendaklah merujuk kepada Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 2018 MyMesyuarat: Ekosistem Pengurusan Mesyuarat Era Digital. Panduan ini memfokuskan elemen utama seperti tanggungjawab urus setia mesyuarat, format minit mesyuarat dan panduan penggunaan Sistem MyMesyuarat.
2. Bagi urusan mesyuarat yang melibatkan dokumen terperingkat, tatacara pengurusan dokumen terperingkat seperti yang berikut perlu dipatuhi:
 - 2.1 Akta Rahsia Rasmi 1972 (Pindaan) 1986; dan
 - 2.2 Arahan Keselamatan.
3. Keutamaan pelaksanaan mesyuarat Majlis/Jawatankuasa hendaklah diadakan secara fizikal. Walau bagaimanapun, tertakluk kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa, mesyuarat boleh diadakan secara dalam talian atau hibrid.

Mesyuarat Majlis/Jawatankuasa

1. Ahli Majlis/Jawatankuasa hendaklah dilantik secara rasmi oleh Pengerusi.
2. Anggota Pentadbiran bertaraf Menteri/Menteri Besar/Ketua Menteri boleh melantik wakil tetap beliau ke mesyuarat penyelarasan pelaksanaan di peringkat negeri dan daerah. Ahli Parlimen dan ADUN yang tidak bertaraf Anggota Pentadbiran tidak boleh diwakilkan.
3. Ahli turut hadir seperti Ketua Jabatan/Ketua Eksekutif Badan Berkanun/Ketua Eksekutif Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) peringkat persekutuan atau negeri dijemput bagi isu spesifik yang dibincangkan dalam mesyuarat.
4. Wakil agensi pusat ke Majlis/Jawatankuasa adalah berperanan untuk menasihati mengikut bidang-bidang seperti berikut:

- 4.1 Wakil Kementerian Kewangan berkenaan perolehan Kerajaan dan perancangan perbelanjaan;
 - 4.2 Wakil Kementerian Ekonomi berkenaan permohonan projek-projek pembangunan dan pengurusan siling peruntukan;
 - 4.3 Wakil ICU JPM berkenaan prestasi pelaksanaan projek, isu-isu penyelarasan antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan serta agensi dan sistem pemantauan projek; dan
 - 4.4 Wakil Jabatan Teknik berkenaan pelaksanaan projek, pengurusan kontrak dan khidmat nasihat teknikal.
5. Mesyuarat Majlis/Jawatankuasa hendaklah diatur mengikut takwim yang ditetapkan.
 6. Mesyuarat Majlis/Jawatankuasa hendaklah memberi tumpuan kepada fungsi-fungsi yang ditetapkan.
 7. Mesyuarat majlis di peringkat persekutuan/negeri hendaklah menumpukan perkara-perkara berkaitan pelaksanaan program/projek pembangunan yang memerlukan keputusan dasar.
 8. Jawatankuasa teknikal/khas boleh ditubuhkan dari semasa ke semasa bagi menyelesaikan sesuatu isu.
 9. ICU JPM boleh mewujudkan jawatankuasa atau pasukan petugas peringkat pegawai bagi melaksanakan tugas penyelarasan antara agensi/negeri.
 10. Urus setia MTPN, JTPN, MTPK, JTPK, MTPNg/MTPWP dan JTPNg/JTPWP boleh menjemput wakil dari Jabatan Audit Negara/Negeri bagi membolehkan khidmat nasihat diberikan khususnya dalam tatacara pengurusan projek, kewangan dan perolehan.

Takwim Mesyuarat

1. Mesyuarat Majlis/Jawatankuasa di peringkat negeri dan daerah hendaklah dirancang dengan teliti.

2. Takwim mesyuarat sepanjang tahun hendaklah dirancang sebelum bulan Januari tahun berkenaan dan diedarkan kepada semua ahli mesyuarat untuk perhatian.
3. Sekiranya mesyuarat tidak dapat diadakan pada tarikh yang ditetapkan, urus setia hendaklah mendapatkan tarikh ganti dari Pengerusi supaya agenda mesyuarat yang dijadualkan masih dapat dibincangkan.

Agenda Mesyuarat

1. Urus setia hendaklah menyediakan cadangan agenda berdasarkan fungsi-fungsi yang ditetapkan dan dikemukakan kepada Pengerusi untuk persetujuan.
2. Agenda hendaklah berasaskan kepada isu-isu semasa dan dimaklumkan kepada kementerian/jabatan/agensi sekurang-kurangnya dua minggu sebelum mesyuarat diadakan supaya kertas/laporan yang komprehensif dapat disediakan.
3. Urus setia berhak meminta kementerian/jabatan/agensi untuk menyediakan kertas/laporan di luar tempoh yang ditetapkan.
4. Antara perkara-perkara yang wajib dijadikan agenda adalah:
 - 4.1 Pembentangan kertas/laporan berkenaan prestasi dan penilaian *outcome* program/projek berdasarkan:
 - 4.1.1 RMLT - Prestasi kewangan dan aktiviti-aktiviti program/projek fizikal dan bukan fizikal.
 - 4.1.2 Pelaksanaan Program Kesejahteraan Rakyat dengan tumpuan kepada isi rumah berpendapatan terendah, contohnya program/projek bagi meningkatkan pendapatan dan tanggungjawab sosial korporat dalam menyediakan peluang pekerjaan.
 - 4.2 Pembentangan taklimat berdasarkan:
 - 4.2.1 Kementerian/jabatan;
 - 4.2.2 Badan Berkanun/agensi;

4.2.3 Program/projek yang bermasalah; dan

4.2.4 Isu yang merentas tugas dan tanggungjawab kementerian/agensi.

Taklimat yang disampaikan antara lain hendaklah memberi fokus kepada kejayaan pelaksanaan sesuatu program/projek yang boleh dijadikan panduan oleh agensi, isu dan masalah pelaksanaan dan cadangan langkah-langkah penyelesaian.

5. Lawatan ke tapak projek bersama Ahli-ahli Majlis/Jawatankuasa boleh diaturkan secara berjadual atau sebagai susulan kepada keputusan mesyuarat.
6. Panduan cadangan Agenda Mesyuarat adalah seperti di **Lampiran D**.

Format Kertas Pembentangan

1. Kementerian/jabatan/agensi boleh menggunakan format seperti di **Lampiran E** bagi melaporkan perkara/isu/masalah tertentu kepada Majlis/Jawatankuasa.
2. Ringkasan Eksekutif hendaklah disediakan bagi setiap kertas/laporan/slaid pembentangan. Hanya isi-isi penting sahaja dinyatakan dengan ringkas dan tidak melebihi lima muka surat.

Maklum Balas Keputusan Mesyuarat

1. Ahli Majlis/Jawatankuasa atau mana-mana pihak lain yang diberi tanggungjawab melaksanakan sesuatu keputusan mesyuarat hendaklah mengemukakan laporan maklum balas pelaksanaan keputusan mesyuarat kepada urus setia Majlis/Jawatankuasa tidak lewat dari 14 hari bekerja selepas minit mesyuarat diedarkan.
2. Sekiranya pihak yang bertanggungjawab melaksanakan sesuatu keputusan merupakan pihak yang bukan ahli Majlis/Jawatankuasa, urus setia hendaklah menghantar cabutan minit mesyuarat kepada pihak berkenaan. Pihak berkenaan hendaklah diminta mengemukakan laporan maklum balas pelaksanaan keputusan mesyuarat kepada urus setia Majlis/Jawatankuasa tidak lewat dari 14 hari bekerja selepas cabutan minit mesyuarat diedarkan.

3. Urus setia adalah bertanggungjawab memantau pelaksanaan keputusan mesyuarat dan melaporkannya kepada Majlis/Jawatankuasa.

LAMPIRAN A**TATACARA KERJA DAN HUBUNGAN KEMENTERIAN/
JABATAN/AGENSI DENGAN UNIT PENYELARASAN PELAKSANAAN,
JABATAN PERDANA MENTERI (ICU JPM)****1. Tujuan**

- 1.1 Tatacara ini bertujuan untuk mengghuraikan fungsi dan hubungan ICU JPM dengan kementerian/jabatan/agensi.

2. Fungsi

- 2.1 Arahan No. 1 2023 Mekanisme Penyelarasan Pelaksanaan Pembangunan Negara (Arahan No.1) menetapkan fungsi ICU JPM selaku urus setia MTPN dan JTPN termasuk peranan Pejabat Pembangunan Negeri (PPN) selaku urus setia mekanisme penyelarasan pelaksanaan di peringkat negeri. Kaedah yang diguna pakai untuk penyelarasan dan pengawasan adalah seperti berikut:

- 2.1.1 Mekanisme penyelarasan pelaksanaan di semua peringkat persekutuan dan negeri;
- 2.1.2 Pemantauan, penyelarasan dan penilaian prestasi pelaksanaan program/projek mengikut jadual dan sumber sebagaimana ditetapkan; dan
- 2.1.3 Pemantauan, penyelarasan dan penilaian prestasi pelaksanaan program/projek pembangunan yang berfokuskan kepada:
- (i) Penambahbaikan inisiatif ke arah menyediakan taraf hidup yang wajar (*decent standard of living*);
 - (ii) Penyediaan pembangunan untuk semua;
 - (iii) Peningkatan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat;
 - (iv) Pengesanan isu dan masalah pelaksanaan rancangan pembangunan serta mengambil tindakan intervensi bagi mengatasinya;
 - (v) Penilaian keberkesanan pelaksanaan strategi dan program/projek pembangunan; dan

- (vi) Memastikan Sistem MyProjek, PDPS dan eKasih digunakan sepenuhnya oleh kementerian/jabatan/agensi.

2.1.4 Penyelesaian bagi isu-isu berkaitan pembangunan termasuk isu-isu kesejahteraan rakyat yang dibangkitkan dari semasa ke semasa dengan kaedah berikut:

- (i) Pengesanan isu-isu yang menjejaskan pelaksanaan program/projek;
- (ii) Taklimat khusus dan cadangan penyelesaian daripada kementerian/jabatan/agensi berkenaan; dan
- (iii) Tindakan intervensi terhadap isu/masalah yang dikenal pasti.

3. Huraian Fungsi

3.1 Bertindak sebagai mekanisme penyelarasan pelaksanaan di semua peringkat persekutuan dan negeri:

- 3.1.1 Memastikan takwim mesyuarat MTPN dan JTPN dipatuhi;
- 3.1.2 Membuat tindakan susulan ke atas keputusan MTPN dan JTPN;
- 3.1.3 Meminta mana-mana kementerian/jabatan/agensi untuk memberi taklimat kepada MTPN dan JTPN atau ICU JPM;
- 3.1.4 Mendapatkan laporan atau penjelasan mengenai isu tertentu daripada kementerian/jabatan/agensi;
- 3.1.5 Mengadakan lawatan projek secara berkala/mengejut; dan
- 3.1.6 Mencadangkan penambahbaikan yang berkaitan dengan pelaksanaan projek dari semasa ke semasa bertujuan untuk mempercepatkan dan meningkatkan prestasi pelaksanaan projek.

3.2 Memantau, menyelaras dan menilai prestasi pelaksanaan program/projek mengikut jadual dan sumber sebagaimana yang ditetapkan:

- 3.2.1 Mendapatkan data/ maklumat/ laporan/ laporan bergambar mengenai prestasi pelaksanaan program/projek;
- 3.2.2 Menyedia dan membentangkan laporan berkaitan prestasi program/projek dari semasa ke semasa;
- 3.2.3 Mengambil tindakan susulan terhadap isu/masalah pelaksanaan program/projek; dan
- 3.2.4 Menghadiri mana-mana mesyuarat/taklimat/lawatan yang berkaitan dengan sesuatu projek.

3.3 Memantau, menyelaras dan menilai pelaksanaan program/projek yang berkaitan dengan peningkatan pendapatan dan pengagihan yang seimbang dengan kaedah berikut:

- 3.3.1 Mendapatkan maklumat daripada kementerian/ jabatan/agensi berkaitan pengagihan yang seimbang;
- 3.3.2 Menyelaras inisiatif, usaha serta pangkalan data berkenaan kesejahteraan rakyat;
- 3.3.3 Memantau, menilai dan menganalisis program peningkatan pendapatan yang seimbang;
- 3.3.4 Mencadangkan program/projek yang dapat meningkatkan pendapatan yang sesuai; dan
- 3.3.5 Menyelaras pelaksanaan dan intervensi ke atas program/projek kesejahteraan rakyat termasuk peningkatan pendapatan yang seimbang antara agensi.

3.4 Mengesan isu dan masalah pelaksanaan rancangan pembangunan serta mengambil tindakan intervensi dengan kaedah berikut:

- 3.4.1 Mengenal pasti halangan yang menjejaskan pelaksanaan program/projek;

3.4.2 Mendapatkan taklimat khusus dan cadangan penyelesaian daripada kementerian/jabatan/agensi berkenaan; dan

3.4.3 Mengambil tindakan intervensi terhadap isu/masalah yang dikenal pasti.

3.5 Menilai keberkesanan pelaksanaan strategi dan program/projek pembangunan dengan kaedah berikut:

3.5.1 Menilai pencapaian matlamat program/projek pembangunan selaras dengan dasar-dasar semasa;

3.5.2 Memperakukan cadangan perubahan dan penyesuaian ke atas dasar pelaksanaan, strategi dan program/projek pembangunan kepada MTPN/JTPN;

3.5.3 Memastikan pelaksanaan program/projek pembangunan berada di landasan yang ditetapkan; dan

3.5.4 Menyelaraskan pelaksanaan strategi dan program/projek yang melibatkan pelbagai agensi.

3.6 Memastikan Sistem MyProjek, PDPS dan eKasih atau apa-apa sistem yang akan dibangunkan ini digunakan sepenuhnya oleh kementerian/jabatan/agensi:

3.6.1 Memastikan kementerian/jabatan/agensi mengemas kini maklumat secara berterusan dalam sistem MyProjek, PDPS dan eKasih; dan

3.6.2 Memberikan khidmat sokongan kepada kementerian/jabatan/agensi supaya sistem dapat berjalan lancar.

4. Pejabat Pembangunan Negeri sebagai penggerak pembangunan nasional di peringkat negeri

4.1 Fasa Perancangan

4.1.1 Menjadi penghubung di antara keperluan pembangunan di peringkat daerah dan negeri dengan kementerian;

- 4.1.2 Melaksana penyelarasan bersama Kerajaan Negeri berkaitan senarai projek yang dirancang oleh kementerian berbanding hala tuju pembangunan negeri dan seterusnya menjadi input kepada permohonan dan kelulusan program/projek pembangunan;
- 4.1.3 Memainkan peranan dalam meningkatkan ketersediaan program/projek yang diluluskan kepada kementerian bersama pihak negeri bagi menyokong *timeliness of delivery*;
- 4.1.4 Mengesan perancangan program/projek kesejahteraan rakyat memberi keutamaan kepada isi rumah eKasih; dan
- 4.1.5 Menyelaraskan pelaksanaan projek/inisiatif untuk melengkapkan penyampaian program pembangunan nasional.

4.2 Fasa Pelaksanaan


- 4.2.1 Memantau dan mengawasi pelaksanaan program/projek pembangunan di peringkat negeri supaya bersepadu dan seimbang dengan dasar-dasar negara seperti alam sekitar, kehendak sosial, budaya dan pembangunan insan;
- 4.2.2 Mengesan keselarasan strategi pelaksanaan program/projek pembangunan di peringkat negeri supaya menepati matlamat pembangunan;
- 4.2.3 Melaksanakan tindakan intervensi terhadap program/projek bermasalah dan menjadi *focal point* penyelarasan kepada pelan pemulihan;
- 4.2.4 Memberikan maklumat secara berkala berkaitan kemajuan pelaksanaan program/projek terutamanya yang memerlukan perhatian dan tindakan di peringkat persekutuan;

- 4.2.5 Melengkapi tindakan *troubleshooting* dan intervensi terhadap isu-isu berimpak tinggi, melibatkan kesejahteraan rakyat dan lain-lain isu semasa yang memerlukan penyelarasan menyeluruh;
- 4.2.6 Melaksanakan inisiatif bagi melengkapkan program/projek pembangunan berdasarkan keperluan setempat; dan
- 4.2.7 Menyelaras pengesahan isi rumah miskin ke dalam sistem eKasih.

4.3 **Fasa Pasca Pelaksanaan**


- 4.3.1 Melaksanakan pengesanan terhadap keberhasilan program/projek pembangunan dari segi mencapai sasaran matlamat, memanfaatkan kumpulan sasar dan lestari;
- 4.3.2 Memberikan maklum balas berkaitan keperluan kumpulan sasar bagi perencanaan pembangunan di peringkat persekutuan dan negeri;
- 4.3.3 Melaksanakan intervensi bagi program/projek yang menghadapi masalah pengoperasian, penggunaan dan penyampaian *outcome* di peringkat pasca pelaksanaan dan seterusnya menjadi input perancangan di peringkat nasional; dan
- 4.3.4 Melaksanakan pengesanan terhadap status semasa isi rumah miskin yang telah mendapat manfaat daripada program/projek kesejahteraan rakyat.

LAMPIRAN B

**PROSES KERJA PERMOHONAN ISI RUMAH
UNTUK DIDAFTARKAN KE DALAM
SISTEM eKASIH**

LAMPIRAN C

CARTA ALIR SISTEM eKASIH



LAMPIRAN D**CADANGAN AGENDA MESYUARAT**

1. Laporan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan
2. Perancangan Perolehan Program/Projek Pembangunan
3. Laporan Prestasi Program/Projek Pembangunan Fizikal (Baharu dan Sambungan)
 - 3.1. Program/Projek Pra Pelaksanaan
 - 3.2. Program/Projek Dalam Pelaksanaan
 - 3.3. Program/Projek Pasca Pelaksanaan
 - 3.4. Program/Projek Lewat Jadual
 - 3.5. Program/Projek Sakit
 - 3.6. Program/Projek Bermasalah
4. Laporan Prestasi Program/Projek Pembangunan Bukan Fizikal (Baharu dan Sambungan)
 - 4.1. Program/Projek Pra Pelaksanaan
 - 4.2. Program/Projek Dalam Pelaksanaan
 - 4.3. Program/Projek Pasca Pelaksanaan
 - 4.4. Program/Projek Lewat Jadual
 - 4.5. Program/Projek Sakit
 - 4.6. Program/Projek Bermasalah
5. Laporan Program/Projek Pembangunan yang Terlibat dengan Perkara-Perkara Berikut:
 - 5.1. Notis Perubahan (*Notice of Change* - NOC)
 - 5.2. Arahan Perubahan Kerja (*Variation Order* - VO)
 - 5.3. Syarat Perubahan Harga (*Variation of Price* - VOP)
 - 5.4. Pembayaran Tertanggung
 - 5.5. Makmal Pengurusan Nilai (*Value Management* - VM)
6. Laporan Program/Projek yang Belum Dimulakan (Baharu, Sambungan dan Melangkaui RMLT)
7. Laporan Pengoperasian Program/Projek Pembangunan (Penilaian *Outcome*)
8. Laporan Program/Projek di bawah Pembiayaan PPP/PFI
9. Laporan Program/Projek di bawah Pembiayaan Pinjaman
10. Laporan Program/Projek Berimpak Tinggi
11. Laporan Program/Projek *One Line Item*
12. Laporan Pelaksanaan Program Kesejahteraan Rakyat
13. Laporan Program Pembasmian Kemiskinan
14. Laporan Lawatan Turun Padang/Pemantauan Projek
15. Laporan Analisis Pengemaskinian Sistem MyProjek
16. Lain-lain Perkara Berkaitan Program/Program Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat

LAMPIRAN E

Contoh Format

LAPORAN PROJEK BERMASALAH

NAMA KEMENTERIAN

NAMA PROGRAM/PROJEK

1. **TUJUAN LAPORAN**

[Nyatakan tujuan laporan].

2. **LATAR BELAKANG**

[Nyatakan latar belakang program/projek seperti tujuan/objektif, skop dan maklumat-maklumat asas lain mengenai program/projek].

3. **ISU/MASALAH PELAKSANAAN PROJEK**

[Nyatakan masalah-masalah utama pelaksanaan program/projek yang menyebabkan projek lewat daripada jadual secara terperinci. Nyatakan juga jika masalah-masalah tersebut berkaitan dengan tanggungjawab atau bidang kuasa kementerian/jabatan/agensi/negeri/Wilayah Persekutuan yang lain].

4. **TINDAKAN YANG TELAH DIAMBIL OLEH KEMENTERIAN UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH**

[Nyatakan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh kementerian bagi mengatasi/menyelesaikan masalah yang dihadapi di para 3. Jika masalah tersebut berkaitan dengan tanggungjawab atau bidang kuasa kementerian/jabatan/agensi/negeri/Wilayah Persekutuan yang lain, nyatakan bentuk kerjasama yang telah diberikan bagi menyelesaikan masalah tersebut].

5. **IMPLIKASI KELEWATAN PELAKSANAAN PROGRAM/PROJEK**

[Nyatakan implikasi/kesan akibat daripada kelewatan pelaksanaan program/projek dari segi kewangan, objektif, faedah kepada rakyat dan kesan-kesan lain yang berkaitan].

6. **CADANGAN DARIPADA KEMENTERIAN UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH**

[Berikan cadangan/alternatif untuk menyelesaikan masalah].

7. **PERKARA-PERKARA DASAR YANG PERLU DIPUTUSKAN**

8. **PENUTUP**

GLOSARI

ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
AIR	Ahli Isi Rumah
DEB	Dasar Ekonomi Baru
eKasih	Bank Data Kemiskinan Nasional
FGD	<i>Focus Group</i> Kesejahteraan Rakyat Peringkat Daerah
FGN	<i>Focus Group</i> Kesejahteraan Rakyat Peringkat Negeri
FGW	<i>Focus Group</i> Kesejahteraan Rakyat Wilayah Persekutuan
FIC	<i>Focus Individual Countdown</i>
GLC	Syarikat Berkaitan Kerajaan
ICU JPM	Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri
JPKK	Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung
JPM	Jabatan Perdana Menteri
JTPB	Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Bahagian
JTPD	Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah
JTPN	Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Negara
JTPNg	Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Negeri
JTPW	Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Wilayah Persekutuan
KIR	Ketua Isi Rumah
MTPK	Majlis Tindakan Pembangunan Kementerian
MTPN	Majlis Tindakan Pembangunan Negara
MTPNg	Majlis Tindakan Pembangunan Negeri
MySPC	Majlis Perlindungan Sosial Malaysia
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PDPS	Pangkalan Data Perlindungan Sosial
PPN	Pejabat Pembangunan Negeri
RMLT	Rancangan Malaysia Lima Tahun

CATATAN

CATATAN



Unit Penyelarasan Pelaksanaan
Jabatan Perdana Menteri
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502 Putrajaya, Malaysia



03-8000 8000



pertanyaan@icu.gov.my



www.icu.gov.my